

SJKC YUK CHAI, PETALING JAYA  
UJIAN PEMAHAMAN BAHASA MALAYSIA TAHUN 3  
KALI KETIGA (3/2016)

NAMA : \_\_\_\_\_ ( )  
KELAS : 3 ( )

MARKAH :  
TARIKH : 17/10/2016  
MASA : 1.45pm-2.45pm

Arahan : Tiap-tiap soalan diikuti dengan pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih jawapan anda kemudian tandakan jawapan anda dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan yang diberi.

Soalan Pemahaman.

RIO DE JANEIRO, 20 OGOS - Wira negara, Datuk Lee Chong Wei tewas di perlawanan akhir perseorangan badminton dan mendapat pingat perak dalam Sukan Olimpik Rio 2016. Perlawanan 18-21, 18-21 kepada Chen Long dari China selama 73 minit. Ia juga kekalahan ketiga berturut-turut pemain nombor satu dunia itu di pentas final selepas tewas kepada Lin Dan di Beijing 2008 dan London 2012. Bagaimanapun, pujian harus diberikan kepada Datuk Lee selepas berjaya mara ke pusingan akhir buat kali ketiga berturut-turut.



Sumber selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/185072>

1. Di manakah Sukan Olimpik Rio 2016 diadakan?  
A. Janeiro Rio de  
B. Rio Janeiro de  
C. Rio de Janeiro  
D. Janeiro De Rio
2. Apakah pingat yang dimenangi oleh Datuk Lee Chong Wei dalam Sukan Olimpik Rio 2016?  
A. emas  
B. perak  
C. gangsa  
D. dua

3. Di manakah Chen Long berasal dari?  
A. China  
B. Malaysia  
C. Indonesia  
D. London
4. Berapakah lamanya perlawanan antara Datuk Lee dengan Chen Long?  
A. 30 minit  
B. 37 minit  
C. 73 minit  
D. 70 minit
5. Perkataan "perlawanan" dalam petikan bermaksud  
A. perasmian  
B. perbualan  
C. pertanian  
D. pertandingan

**Kata Ganti Nama Tunjuk**

6. Jie Yi akan pergi ke Taiwan esok. Dia pergi ke \_\_\_\_\_ dengan menaiki kapal terbang.  
A. ini  
B. itu  
C. sini  
D. sana
7. "Oh, panasnya hari \_\_\_\_\_!" kata Kalang kepada Haikal.  
A. ini  
B. sana  
C. sini  
D. situ
8. "Tolong tampal gambar \_\_\_\_\_ pada dinding," kata Ali kepada Ahmad.  
A. sana  
B. ini  
C. sini  
D. situ
9. "Di \_\_\_\_\_ lah kebakaran itu berlaku," tunjuk Encik Teck Sing ke arah rumah \_\_\_\_\_.  
A. ini ..... itu  
B. itu ..... ini  
C. sini ..... itu  
D. situ ..... itu
10. Bunyi dentuman \_\_\_\_\_ datang dari arah \_\_\_\_\_.  
A. ini ..... sana  
B. itu ..... sana  
C. sini ..... sana  
D. situ ..... ini
11. "Di \_\_\_\_\_ lah mereka menyembunyikan hasil rompakan \_\_\_\_\_", kata pemuda itu kepada pihak polis.  
A. sini ..... itu  
B. ini ..... sini  
C. itu ..... ini  
D. sini ..... sini

**Kata Sendi Nama**

12. Muzium negara terletak \_\_\_\_\_ Kuala Lumpur.  
A. dari  
B. di  
C. daripada  
D. hingga
13. Puan Minah pergi ke pasar tani \_\_\_\_\_ hujung minggu.  
A. dari  
B. daripada  
C. ke  
D. pada
14. Saya menunggu Rahman di perhentian bas \_\_\_\_\_ pukul 8.00 pagi.  
A. ke  
B. pada  
C. daripada  
D. di
15. Almari itu diperbuat \_\_\_\_\_ kayu jati.  
A. daripada  
B. kepada  
C. dari  
D. di
16. Puan Fatim membawa anaknya \_\_\_\_\_ klinik kerana mengalami cirit-birit yang berterusan.  
A. hingga  
B. untuk  
C. ke  
D. di
17. Vinod menyiapkan kerja sekolahnya yang banyak itu \_\_\_\_\_ larut malam.  
A. ke  
B. hingga  
C. daripada  
D. dari
18. Keluarga jiran saya baharu berpindah \_\_\_\_\_ Sandakan, Sabah.  
A. dari  
B. hingga  
C. kepada  
D. daripada
19. Pertandingan skuasy itu bermula \_\_\_\_\_ pukul 2.30 petang \_\_\_\_\_ pukul 5.30 petang.  
A. daripada ..... hingga  
B. ke ..... dari  
C. pada ..... ke  
D. pada ..... hingga
20. Farhan pergi \_\_\_\_\_ kedai runcit \_\_\_\_\_ membeli alat tulis.  
A. di ..... daripada  
B. hingga ..... ke  
C. dari ..... ke  
D. ke ..... untuk



21. Kemudahan Internet disediakan \_\_\_\_\_ para penumpang \_\_\_\_\_ dalam bas eksekutif itu.
- A. untuk ..... di  
B. dari ..... untuk  
C. pada ..... ke  
D. kepada ..... daripada

Kata Hubung

22. Flora \_\_\_\_\_ fauna di negara kita satu tarikan para pelancong.
- A. kerana  
B. dan  
C. lalu  
D. tetapi
23. Puan Nirmala suka memasak \_\_\_\_\_ dia tidak suka menumbuk rempah-ratus.
- A. serta  
B. atau  
C. tetapi  
D. kerana
24. Kita boleh menghayati keindahan alam semula jadi \_\_\_\_\_ melawat di tempat-tempat rekreasi.
- A. kerana  
B. tetapi  
C. manakala  
D. apabila
25. Kereta hibrid ialah kereta yang menggunakan tenaga elektrik \_\_\_\_\_ petrol.
- A. sambil  
B. lalu  
C. kecuali  
D. dan
26. Hutan perlu dipelihara \_\_\_\_\_ hutan merupakan khazanah berharga yang dimiliki manusia.
- A. kerana  
B. dan  
C. atau  
D. tetapi
27. Dato' Mohammad Nor Khalid \_\_\_\_\_ lebih dikenali sebagai Lat, telah melancarkan buku komik "Budak Kampung".
- A. atau  
B. kerana  
C. kecuali  
D. sambil
28. Senamrobik bukan sahaja aktiviti yang menyeronokkan \_\_\_\_\_ dapat menguatkan otot kita.
- A. lalu  
B. malahan  
C. tetapi  
D. kerana

29. Pisang itu disalut dengan tepung \_\_\_\_\_ digoreng.  
A. kerana B. lalu  
C. manakala D. kecuali
30. Para penonton bersorak \_\_\_\_\_ bertepuk tangan.  
A. sambil B. tetapi  
C. kerana D. apabila
31. Kita mestilah bersama-sama menjaga \_\_\_\_\_ memelihara alam semula jadi \_\_\_\_\_ tidak tercemar.  
A. kerana ..... tetapi B. dan ..... supaya  
C. atau ..... sambil D. kecuali ..... lalu

### Tanda Baca

Soalan 32 hingga 37 pilih ayat yang menggunakan tanda baca dengan betul.

32. A. Kolam pancing ini dibuka pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat.  
B. Kolam pancing ini dibuka pada hari Isnin Rabu dan Jumaat.  
C. Kolam pancing ini dibuka pada hari Isnin. Rabu dan Jumaat.  
D. Kolam pancing ini dibuka pada hari Isnin! Rabu dan Jumaat.
33. A. Amalan mesra alam perlu kita lakukan setiap hari.  
B. Amalan mesra alam perlu kita lakukan setiap hari.  
C. Amalan mesra alam, perlu kita lakukan setiap hari.  
D. Amalan mesra alam perlu kita lakukan setiap hari.
34. A. "Aduh! sakitnya perut aku?" keluh Siti.  
B. "Aduh, sakitnya perut aku," keluh Siti.  
C. "Aduh, sakitnya perut aku!" keluh Siti.  
D. "Aduh, sakitnya perut aku." keluh Siti.
35. A. Bagaimanakah kita dapat mengurangkan pencemaran alam!  
B. Bagaimanakah kita dapat mengurangkan pencemaran alam?  
C. Bagaimanakah kita dapat mengurangkan pencemaran alam.  
D. Bagaimanakah kita dapat mengurangkan pencemaran alam,
36. A. "Bavani! kamu buat apa." tanya Ben Li.  
B. "Bavani, kamu buat apa?" tanya Ben Li.  
C. "Bavani, kamu buat apa," tanya Ben Li.  
D. "Bavani! kamu buat apa" tanya Ben Li.

37. A. LCD ialah singkatan bagi *liquid crystal display*,  
B. LCD ialah singkatan bagi *liquid crystal display*.  
C. LCD ialah singkatan bagi, *liquid crystal display*.  
D. LCD ialah singkatan bagi *liquid crystal display*
38. \_\_\_\_\_ diberi makan rumput dan pelepah kelapa sawit yang diproses.  
A. Lembu-Lembu                      B. Lembu-lembu  
C. lembu-Lembu                      D. lembu-lembu
39. Kim Ho sekeluarga melawat kakaknya dengan menggunakan \_\_\_\_\_ (GPS) sampai di destinasi itu.  
A. sistem kedudukan global      B. Sistem kedudukan global  
C. Sistem Kedudukan global      D. Sistem Kedudukan Global
40. \_\_\_\_\_ binti Hamid ialah Pengerusi Eksekutif sebuah syarikat kawalan keselamatan yang terbesar di Malaysia.  
A. Datuk Dr. Maznah                  B. Datuk Dr. maznah  
C. Datuk dr. Maznah                  D. Datuk dr. maznah

#### Imbuhan Apitan

41. Redzuawan bin Ismail dikenali sebagai Chef Wan telah \_\_\_\_\_ diri dalam bidang masakan selama 27 tahun.  
A. meceburkan                      B. menceburkan  
C. memceburkan                      D. mengeceburkan
42. Bateri yang dilupuskan tanpa kaedah yang betul \_\_\_\_\_ pencemaran.  
A. mensebabkan                      B. memsebabkan  
C. menyebabkan                      D. mengebabkan
43. Datuk Lee Chong Wei telah \_\_\_\_\_ gelaran Olahragawan Malaysia kerana jasanya mengharumkan nama negara.  
A. dianugerahi                          B. meanugerahi  
C. menyanugerahi                      D. menganugerahi
44. Datuk Nicol Ann David ialah pemain skuasy pertama yang \_\_\_\_\_ Kejohanan Skuasy Junior Sedunia sebanyak dua kali.  
A. menjuarai                              B. menjuarakan  
C. memjuarai                              D. memjuarakan

45. Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) ditubuhkan pada tahun 1983 dan \_\_\_\_\_ oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.
- A. diilhami  
B. diilhamkan  
C. dilhami  
D. dilhamkan
46. Encik Linduk telah \_\_\_\_\_ tanaman pisang sejak setahun yang lalu.
- A. menternakkan  
B. mendatangkan  
C. mengusahakan  
D. memancingkan
47. Tumbuhan hijau yang \_\_\_\_\_ alam dapat menenangkan fikiran kita.
- A. menghiasi  
B. mencemari  
C. melayari  
D. mengikuti
48. Kempen kitar semula dapat \_\_\_\_\_ pencemaran alam sekitar.
- A. menambahkan  
B. menjadikan  
C. membiarkan  
D. mengurangkan
49. Telefon pintar boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan \_\_\_\_\_ internet.
- A. melayahi  
B. melayaki  
C. melayani  
D. melayari
50. Ketika di permukaan air, umpan buatan itu akan \_\_\_\_\_ air dan \_\_\_\_\_ bunyi.
- A. memercikkan .....  
mengeluarkan  
B. melanjutkan .....  
mengamalkan  
C. menjimatkan .....  
memerlukan  
D. menyedarkan .....  
mencerahkan



Answer

- |    |                                    |                                    |                                    |                                    |    |                                    |                                    |                                    |                                    |    |                                    |                                    |                                    |                                    |
|----|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|----|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|----|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| 1  | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            | 18 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 35 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 2  | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 19 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 36 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 3  | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 20 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 37 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            |
| 4  | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            | 21 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 38 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 5  | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 22 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 39 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D |
| 6  | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 23 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            | 40 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 7  | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 24 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 41 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 8  | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 25 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 42 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            |
| 9  | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 26 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 43 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 10 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 27 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 44 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 11 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 28 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 45 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D |
| 12 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 29 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 46 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            |
| 13 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 30 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 47 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 14 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 31 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 48 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D |
| 15 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 32 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 49 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D |
| 16 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            | 33 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input checked="" type="radio"/> D | 50 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B            | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            |
| 17 | <input type="radio"/> A            | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C            | <input type="radio"/> D            | 34 | <input type="radio"/> A            | <input type="radio"/> B            | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D            |    |                                    |                                    |                                    |                                    |